

## Negeri Sembilan tiada masalah syor seragam premium tanah projek awam

Oleh Mohd Amin Jalil - Mei 2, 2023



Aminuddin (duduk kiri) menghadiri rumah terbuka Aidilfitri Majlis Bandaraya Seremban di Seremban hari ini. - Foto NSTP/Mohd Amin Jalil

Seremban : Kerajaan Negeri Sembilan menyambut baik cadangan untuk menyeragamkan kadar premium tanah bagi projek awam untuk mengelak projek kepentingan awam tidak tergendala atau kosnya melambung terlalu tinggi.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata walaupun di negeri itu tiada projek kepentingan awam yang tergendala ketika ini, cadangan itu wajar dilihat secara positif untuk memastikan setiap projek berkenaan dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna.

"Memang kos atau kadar (premium ini) berbeza setiap negeri, langkah menyeragamkan ini boleh dilihat secara positif, namun setakat ini di Negeri Sembilan antara yang terendah.

"Kita tiada masalah sebenarnya (dalam menyeragamkan kadar premium) dan dalam masa sama kita mengalu-alukan projek Persekutuan dibuat di Negeri Sembilan," katanya.

Beliau ditemui pemberita ketika menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Majlis Bandaraya Seremban (MBS) di Wisma MBS, di sini, hari ini.

BH sebelum ini melaporkan satu kertas cadangan untuk menyeragamkan kadar premium tanah yang dikenakan kerajaan negeri sedang dirangka Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) bagi mengelak projek kepentingan awam tidak tergendala atau kosnya melambung terlalu tinggi.

Kertas cadangan JKPTG itu akan dikemukakan kepada Majlis Tanah Negara (MTN) pada masa terdekat agar semua kerajaan negeri mencapai persefahaman mengenai kadar premium tanah untuk projek Kerajaan Persekutuan seperti pembinaan sekolah, rumah mampu milik, balai polis, hospital dan kem tentera.

Timbalan Ketua Pengarah Sektor Penyelarasan dan Operasi JKPTG, Datuk Mohd Haniff Hassan, dilaporkan berkata, keseragaman premium tanah pada kadar munasabah dapat mempertingkatkan lagi prestasi kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, kerajaan negeri sentiasa bersedia untuk menyediakan tapak bagi melaksanakan projek awam seperti membina sekolah, yang hendak dilaksanakan di negeri itu.

"Di sesetengah negeri, mereka (Kerajaan Persekutuan) kena bayar (jika melaksanakan projek)," katanya.

Beliau juga berkata, tempoh kelulusan yang diberi bagi melaksanakan projek terbabit juga antara yang paling cepat.

"Kita tiada masalah dari segi hendak melaksanakan projek Persekutuan di Negeri Sembilan dan memang kita mengalu-alukan projek seperti itu," katanya.

-Berita Harian